

Program j-Qaf berkesan

PENDEKATAN Islam Hadhari yang diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sudah mula menunjukkan kejayaan sekalipun masih pada peringkat awal pelaksanaan, kata Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Prof Datuk Abdul Shukor Husin.

Beliau berkata, kejayaan paling ketara adalah dari segi pendidikan iaitu menerusi pelaksanaan program j-Qaf di sekolah dan dari segi sektor perbankan Islam negara yang kini semakin berkembang.

"Ini menunjukkan kita berada di landasan betul," katanya kepada pemberita selepas membentangkan kertas kerja bertajuk "Pendekatan Islam Hadhari: Malaysia Sebagai Contoh" di hari ketiga Multaqa Sedunia Alumni Al-Azhar 2008 di sini, semalam.

Abdul Shukor yang juga Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia diminta mengulas pembentangnya sebelum itu yang antara lain meminta masyarakat tidak wajar memperlekehkan pendekatan itu dengan menganggap ia sekadar satu konsep tanpa pengisian.

Dalam pembentangan itu, Abdul Shukor berkata, masyarakat Islam di negara ini juga harus mengikis rasa takut untuk menerima konsep itu kerana hakikatnya pendekatan Islam Hadhari semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat Islam antarabangsa.